



Penerima Ijazah Sarjana dalam bidang sastera, Fuyuko Iwasaki, 29, yang berasal dari Jepun ketika ditemui pada Majlis Konvokesyen Ke-21 Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Bangunan Canselor UMS. - Foto Khairull Azry Bidin

## Gadis dari negara matahari terbit terima Ijazah Sarjana di UMS

Oleh Norasikin Daineh  
norasikin\_daineh@nstp.com.my

KOTA KINABALU: Tertarik dengan budaya dan percakapan etnik Dusun di Penampang menyebabkan seorang gadis dari Jepun, tekad menyambung pengajian peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang sastera di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Fuyuko Iwasaki, 29, yang berasal dari Chiba berhampiran Tokyo adalah salah seorang graduan yang turut menerima Ijazah Sarjana pada Majlis Konvokesyen UMS ke-21 bagi sidang pertama, hari ini.

Menurutnya, dia fasih bertutur dalam Bahasa Dusun dan Melayu kerana meminati etnik Dusun selepas menyertai satu program antarabangsa ketika membuat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Gakushuin, Tokyo melalui satu lawatan ke negeri ini pada 2012.

“Saya ambil bidang ini (Sosiologi dan Antropoli Sosial) di sini kerana saya berminat dengan etnik Dusun.

“Sejak itu, saya mula mempelajari Bahasa Melayu dan Dusun bagi memudahkan komunikasi dengan komuniti ketika sedang membuat penyelidikan,” katanya ketika ditemui pemberita di sini, hari ini.

Menurutnya, dia terpaksa tinggal di Buayan, Penampang selama tiga bulan dan berkomunikasi bersama penduduk menggunakan dua bahasa itu untuk mempelajari Bahasa Dusun.

“Disebabkan minat untuk belajar dalam bahasa di sini, saya pun buat kajian di luar bandar dan lebih baik saya bercakap dalam Bahasa Melayu atau bahasa tempatan supaya memudahkan saya berkomunikasi ketika membuat temuramah.

“Pada mulanya memang sukar terutama menulis dan membaca dalam bahasa tetapi saya mempunyai penyelia yang sering mengajar dan menulis sehingga saya boleh menulis tesis dalam Bahasa Melayu,” katanya.

Anak kedua daripada dua beradik itu berkata, disebabkan keakrabannya dengan penduduk tempatnya menjalani kajian, dia kini memiliki keluarga angkat di Penampang.

“Mak cik dan pak cik dari Penampang yang menjaga saya dan kini mereka semua seperti ibu bapa angkat saya,” katanya.

Ditanya perancangannya selepas tamat pengajian, dia berhasrat untuk bekerja di Sabah sekiranya ada peluang untuk berbakti dengan rakyat di negeri ini.

“Sekiranya saya pulang ke Jepun, saya akan mencari pekerjaan yang ada kaitan dengan Sabah,” katanya.

Seramai 4,159 graduan UMS menerima Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma masing-masing sepanjang tiga hari majlis berlangsung.

Majlis disempurnakan Yang di-Pertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin selaku Canselor UMS bermula hari ini menerusi dua sidang iaitu pagi dan petang.